

09 MAY 1996

Razaleigh - Reaksi (IPF)

PANDITHAN SAMBUT BAIK KEPUTUSAN KU LI SERTAI SEMULA UMNO

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Presiden Barisan Progresif India (IPF), Senator M. G. Pandithan hari ini menyambut baik keputusan presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah untuk menyertai semula Umno, kerana ia akan memperkukuhkan perpaduan orang Melayu.

Beliau berkata kemasukan semula Tengku Razaleigh dalam Umno adalah suatu yang terbaik.

"Ia merupakan satu keputusan yang bijak dan bertepatan pula dengan sambutan ulangtahun ke-50 Umno pada 11 Mei ini," katanya ketika dihubungi di sini.

Pandithan, bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ketika itu, membawa IPF keluar daripada Gagasan Rakyat, satu gabungan longgar parti pembangkang, sebelum pilihan raya umum 1995.

Sejak itu IPF memohon untuk menyertai Barisan Nasional tetapi permohonannya ditolak. Parti itu yang mendakwa mempunyai satu juta anggota merayu terhadap keputusan itu.

Pandithan berkata Tengku Razaleigh membuat keputusan yang bijak kerana PAS dan malahan DAP tidak pernah menghormati pemimpin S46 itu.

"Atas alasan inilah IPF meninggalkan pembangkang," katanya.

Pandithan berkata dengan Tengku Razaleigh menyertai semula Umno, ia akan terus memperkukuhkan perpaduan di negara ini yang bergantung kepada perpaduan dalam Umno dan di kalangan masyarakat Melayu.

Dengan menyifatkan Razaleigh sebagai seorang yang baik, Pandithan berkata beliau berharap pemimpin dan anggota S46 yang lain akan menyertai Umno.

Ditanya jika beliau akan mengikuti keputusan Razaleigh dengan menyertai MIC, Pandithan, yang juga bekas Naib Presiden MIC berkata "anda tidak boleh membandingkan kepimpinan dalam Umno dengan MIC. Ia berbeza sama sekali kerana Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah seorang yang adil dan bersikap bertolak-ansur."

Pandithan berkata beliau akan menolak sama sekali penyertaannya semula dalam MIC kerana "ia bukanlah keputusan saya seorang malahan anggota IPF".

-- BERNAMA

ES CR.